

MINGGUAN KKKG

E-BULETIN KOLEJ KOMUNITI KUCHING



Kursus Pra Perkahwinan Terima Sambutan Mengalakkan

21 Mei - Imam Besar Negeri Sarawak, Datuk Haji Mustapha Kamal Haji Ahmad Fauzi hadir ke Majlis Penutupan Kursus Pra Perkahwinan yang diadakan selama dua hari bertempat di Dewan Hikmah Petra Jaya, Kuching.

Kursus pra perkahwinan Siri 3 ini merupakan anjuran bersama pihak Kolej Komuniti Kuching dan Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan sejak daripada Siri yang pertama lagi. Turut hadir ke majlis tersebut ialah Pengarah Kolej Komuniti, Sumbang Mandaw dan Timbalan Pengarah Akademik, Mervin Gumbang.



Baca Tambah Ilmu Pengetahuan



18 Mei - Seluruh warga KKKG hari ini berhenti sejenak untuk meluangkan masa 10 minit membaca bahan kegemaran masing-masing sempena Program JOM BACA 2023.

Bual Bicara di Saluran TV1 RTM

16 Mei - Pengarah KKKG, Sumbang Mandaw hari ini tampil dalam program Kuppa Kuppi di saluran TV 1, RTM.

Program bual bicara yang dihoskan oleh personaliti TV Anding Indrawani ini membicarakan tentang kebolehpasaran graduan TVET di Sarawak.

Turut sama dalam program ini ialah Alumni Kolej Komuniti Kuching yang juga merupakan usahawan bidang fesyen dan pembuatan pakaian, Dayang Nurfarhana



Tie & Dye : produk keusahawanan pilihan bakal graduan TVET



KUCHING, 21 Mei – Seni Tie & Dye atau ikat celup merupakan teknik pewarnaan tekstil yang melibatkan pengikatan atau pemberian ikatan pada kain sebelum diwarnai.

Jurulatih senibina Sekolah Seni Sarawak, Ramizah Muna Mohadi, 31, berkata, seni Tie & Dye merupakan produk yang penting daripada warisan seni tekstil Malaysia yang mula berkembang pada tahun 70an.

“Kini terdapat sekolah di Sarawak yang telah memperkenalkan pengajaran kemahiran Tie & Dye kepada pelajar.

Aktiviti Tie & Dye juga memberikan peluang kepada pelajar untuk melibatkan diri secara praktikal dan mencapai kepuasan melalui kerja berusaha.

Setelah sesi pembelajaran yang fokus pada pelajaran akademik, kemahiran seperti Tie & Dye membantu meredakan ketegangan dan memberikan pelajar kesempatan untuk berinteraksi secara santai dan kreatif,” kata Ramizah ketika ditemui di Kolej Komuniti Kuching, hari ini.

Pelajar Tahun 2 Kursus Sijil Fesyen dan Pakaian, Nur Marezah Umar, 24, berkongsi pendapat bahawa melalui latihan kemahiran Tie & Dye, beliau dapat melibatkan diri dalam proses kreatif dalam menghasilkan corak dan kombinasi warna yang unik pada pakaian sendiri.

“Produk ini mempunyai potensi untuk dijual kerana ianya mampu menarik pelanggan daripada pelbagai lapisan masyarakat dan usia yang mencari produk fesyen yang moden dan berbeza.

Malah kursus yang dianjurkan ini secara tidak langsung, membentuk diri saya dan rakan-rakan menjadi bakal usahawan yang berketrampilan dalam mencipta serta memasarkan karya seni yang unik,” kata Nur Marezah.



21 Mei – Pensyarah Kolej Komuniti Kuching, Jefferyson Adam sedang menunjukkan cara membuat gelang manik kepada para peserta daripada pelbagai peringkat umur.

Projek membuat gelang manik sempena Perayaan Gawai Dayak ini merupakan kolaborasi di antara Unit Fesyen & Pakaian KKKG dan Vivacity Megamall Kuching.

Turut hadir ialah Ketua Program SFP Nur Hakim Raifli

TERBITAN: UNIT KOMUNIKASI KOPRORAT



082-313321/322



ukkrasmi@kkkg.edu.my



kkkuching.mypolycc.edu.my